

TUJUAN UCAPAN	UCAPAN PENERUSI, PERBADANAN LABUAN SEMPENA MAJLIS ANUGERAH KEBERSIHAN PREMIS MAKANAN WP LABUAN TAHUN 2015
UCAPAN	YB DATUK ROZMAN B. DATUK HAJI ISLI PENERUSI PERBADANAN LABUAN MERANGKAP AHLI PARLIMEN LABUAN
TARIKH MASA TEMPAT	2 APRIL 2016 (SABTU) 8 MALAM PLAZA BERPAYUNG, KOMPLEKS SUKAN LAUT ANTARABANGSA LABUAN
ANJURAN	PERBADANAN LABUAN

Bismillahirrahmanirrahim

*YBhg. Dato' Mohd Nadzri B. Osman
Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan,*

*YBhg. Datuk Haji Bashir bin Haji Alias,
Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan,*

*Yg. Berusaha Ahli - Ahli Majlis Penasihat, Perbadanan
Labuan,*

*Timbalan - Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif ,
Pengarah, Jabatan Kesihatan WP Labuan,*

*Pegawai - pegawai Kanan, Perbadanan Labuan,
Pengerusi Dewan - Dewan Perniagaan atau wakil,
Rakan Media*

*YBhg. Datuk – datuk /tuan/puan yang saya hormati
Assalamualaikum Warahmatullah hi Wabarakatuh,
Salam sejahtera dan Salam 1 Malaysia.*

1. Marilah kita sama-sama mensyukuri nikmat kesejahteraan dan keizinan yang diberikan Allah SWT untuk kita bersama-sama dalam Majlis Anugerah Kebersihan Premis Makanan W.P Labuan tahun 2015 pada malam ini.

2. *Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada anggota Ahli Jawatankuasa Penilai bagi Anugerah Kebersihan Premis Makanan yang terdiri daripada pihak Perbadanan Labuan dan juga Jabatan Kesihatan W.P Labuan yang telah berusaha setiap tahun bagi memastikan program penggredan ini dijalankan dengan jayanya di Labuan. Pada Malam ini, seperti tahun tahun sebelumnya kita akan sampaikan kepada pengusaha premis makanan, Plak-plak bergred A*

yang telah dinilai pada tahun 2015 yang lalu. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada tuan-tuan dan puan-puan atas usaha dan kerjasama yang diberikan dalam menjaga kebersihan premis makanan masing-masing.

YBhg. Dato', Datuk-datuk tuan-tuan, puan-puan yang dihormati sekalian.

3. *Apabila kita melihat kembali sejarah program Penggredan Premis Makanan ini, sebenarnya ianya telah agak lama dilaksanakan iaitu bermula pada tahun 1996 / 1997 yang pada ketika itu masih dikelolakan oleh Majlis Perbandaran Labuan (MPL). Mengikut fakta yang ada, pada ketika itu hanya 25 buah premis mendapat gred A daripada 95 buah premis keseluruhan yang dinilai. Jumlah tersebut adalah bersamaan dengan 26%.*

4. Pada penilaian tahun lalu, iaitu selepas hamper 20 tahun pelaksanaan program ini, jumlah premis yang mendapat Gred A adalah sebanyak 65 buah premis. Secara kiraan kasarnya terdapat peningkatan hampir 200% premis mendapat gred A. Namun apabila dilihat kepada jumlah premis makanan pada tahun penilaian iaitu sebanyak 180 buah keseluruhan, maka jumlah peratusan sebenarnya hanyalah 37%. Jumlah ini sebenarnya tidaklah jauh bezanya dengan jumlah

semasa program ini diperkenalkan seperti yang saya sebutkan tadi iaitu 26%. Peningkatan sebanyak 11%.

5. Pada hemat saya, seharusnya Labuan pada ketika ini, tidak ada lagi premis yang mendapat gred selain gred A. Malangnya tuan-tuan dan puan-puan, tempoh 20 tahun itu telah tidak banyak mengubah persepsi dan sikap pengusaha-pengusaha premis

makanan untuk mengangkat 'Standard' kita ke satu tahap yang boleh kita banggakan.

Yg. Bhg. Dato, Datuk-datuk tuan-tuan, puan-puan yang dihormati sekalian.

6. Perbadanan Labuan dan Jabatan Kesihatan W.P Labuan merupakan agensi yang memegang peranan penting dalam usaha meningkatkan kebersihan premis makanan di W.P Labuan. Usaha ini harus diteruskan dan

dinilai semula dari semasa ke semasa supaya ia sentiasa 'relevan' dengan arus kehendak masyarakat semasa yang dilihat bergerak cepat ke hadapan. Sebenarnya pembangunan fizikal yang drastik seharusnya banyak memberi impak yang positif terhadap masyarakat, namun ada kalanya pembangunan mental masyarakat tidak terdaya mengejar kemajuan fizikal tersebut, maka berlakulah fenomena 'Fisiliti Kelas Pertama, Mentaliti kelas Ke tiga'. Apa yang saya ingin sampaikan ialah

sebaikmanapun premis makanan kita bina dan sediakan sekiranya sikap pengguna yang tidak menjadikan kebersihan itu sebagai satu cara hidup, maka selagi itu kita akan berhadapan dengan isu-isu yang sama.

7. Maka disinilah fungsi pihak berkuasa tempatan dan juga agensi-agensi kerajaan yang ada untuk mengubah mentaliti dan cara hidup masyarakat kearah yang lebih baik sepertimana yang diamalkan di negara-negara maju.

Namun kita harus bersabar kerana mengubah budaya hidup masyarakat memerlukan tempoh yang agak panjang, sepertimana tempoh Program Penggredan Premis Makanan kita yang sudah berlangsung 20 tahun, ianya juga mengalami peningkatan positif sebanyak 11%, Alhamdulillah.

YBhg. Dato', Datuk-datuk tuan-tuan, puan-puan yang dihormati sekalian.

8. Saya tertarik dengan perkembangan yang berlaku kebelakangan ini apabila Jabatan Kesihatan Labuan telah menguatkuasakan Peraturan-Peratusan Kebersihan Makanan 2009 terhadap seluruh premis makanan di W.P Labuan bermula 1 Mac 2016. Saya amat berharap supaya usaha dapat diteruskan pada setiap masa dan

tindakan kompaun perlu dikenakan kepada mereka yang gagal mematuhi peraturan tersebut. Kaedah ini sebenarnya merupakan satu jalan pintas untuk kita mengubah persepsi pengendali makanan dalam menjaga kebersihan.

Walaupun bagaimanapun ianya merupakan perkara terakhir yang terpaksa kita lakukan apabila usaha-usaha kita seperti kursus dan kempen-kempen kebersihan dilihat tidak mendatangkan hasil untuk mengubah sikap mereka. Sekali lagi syabas saya ucapkan kepada Pengarah Kesihatan Negeri Dr. Ismail atas usaha tersebut.

9. *Akhir sekali saya ucapkan terimakasih kepada PL kerana berusaha menganjurkan Majlis ini pada malam ini dan saya berharap ianya akan diteruskan lagi pada tahun-tahun yang akan datang. Semoga usaha kita ini mendapat rahmat dan hidayah dari Allah SWT. Sekian, Assallammualaikum Warahmatullahiwabarakatuh.*